



MARA distruktur semula

Oleh [Suraya Roslan](#) - Februari 21, 2022 @ 1:53pm
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Majlis Amanah Rakyat (MARA) akan distruktur semula sebaik saja siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap beberapa pegawai kanan agensi itu selesai.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata ketika ini pihaknya menyerahkan sepenuhnya siasatan kepada SPRM.

"Saya tidak mahu campur lagi sebab ia masih dalam siasatan. Biarlah siasatan selesai dan baru kita ambil tindakan apa yang perlu diambil," katanya dalam sidang media selepas Majlis Perasmian eDesa di sini, hari ini.

Sebelum ini, SPRM mengesahkan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 23(1) Akta SPRM 2009 berkaitan kesalahan mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukan untuk mendapatkan suapan.

Pada 11 Februari lalu, SPRM mengambil keterangan lima pegawai kanan MARA berhubung dakwaan penyalahgunaan kuasa.

Agensi itu turut melengkapkan siasatan berhubung dakwaan isu integriti membabitkan lima pegawai kanan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan akan menyerahkan kertas siasatan itu kepada pengarah perundangan dan pendakwa raya.

Sebelum ini, Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Hishamuddin Hashim, mengesahkan pihaknya membuka siasatan mengenai perbelanjaan kad kredit yang dilakukan individu dilantik dalam MARA Corp.